

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HMT 302 Sintaksis Bahasa Melayu

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM ENAM [6] MUKA SURAT.

Jawab SEMUA soalan.

Jawab semua soalan di dalam buku jawapan

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Mengenal Pasti dan Menggalurkan Struktur Frasa

1. (a) Kenal pasti satu frasa nama dalam setiap ayat di bawah dan buat jadual bagi menggalurkan strukturnya.

Contoh: Pelajar bijak itu mendapat biasiswa ke universiti.

Jawapan: Frasa Nama: pelajar bijak itu

Struktur:

Kata Nama Inti	Kata Penerang	Penentu
pelajar	bijak	itu

- i. Seorang akauntan ditangkap semalam.
- ii. Pemangku Ketua Jabatan menjalankan tugasnya dengan baik.

- (b) Kenal pasti satu frasa sendi nama dalam setiap ayat berikut dan galurkan strukturnya.
- i. Hang Tuah menerima adat sebagai undang-undang hidupnya.
 - ii. Ia tidak menentang hukuman yang dijatuhkan ke atasnya.
- (c) Kenal pasti satu frasa sifat dalam setiap ayat yang berikut dan galurkan strukturnya.
- i. Masakan itu pedas sangat.
 - ii. Pintu itu cukup lebar.
- (d) Kenal pasti satu frasa kerja dalam setiap ayat berikut dan galurkan strukturnya.
- i. Bangunan itu tumbang.
 - ii. Badannya bertambah sihat.
 - iii. Dia menjadi pembantu saya.
 - iv. Ibunya memandu sebuah Proton Wira.

BAHAGIAN B - Menentukan Bahagian Ayat Yang Tidak Ada Dan Melengkapkannya

2. (a) Nyatakan Bahagian Ayat yang tidak ada dan lengkapkan ayat berikut.
- i. Hendak pergi memancing ikan.
 - ii. Masih belum bermula.
 - iii. Tidak tahu penat.
 - iv. Tiba ke kelas esok.
 - v. Datang menemui saya.
- (b) Nyatakan Bahagian Ayat yang tidak ada dan lengkapkan ayat berikut.
- i. Dia belum.
 - ii. Di mana budak yang.
 - iii. Sembilan ekor kerbau.
 - iv. Hingga malam tadi.
 - v. Sampai, sesudah larut malam.

(c) Nyatakan sendi yang tidak ada dan lengkapkan ayat berikut.

- i. Pesta dibuka Menteri.
- ii. Bas itu terhumban dalam parit.
- iii. Dia berlagak seorang pegawai.
- iv. Bapanya bersetuju hal itu.
- v. Ibunya diangkat ketua kampung.

(d) Nyatakan bahagian ayat yang digugurkan dan lengkapkan kembali ayat-ayat berikut.

- i. Keluar!
- ii. Jangan!
- iii. Naik!
- iv. Hilang!
- v. Lari!

BAHAGIAN C - Mengenal Pasti Pola-Pola Ayat

3. Nyatakan pola-pola ayat berikut.

Contoh: Ali guru

Jawapan: Ali guru

FN FN

- (a) Buah cempedak di luar pagar.
- (b) Mukanya seperti bulan purnama.
- (c) Perangainya semacam penjangak.
- (d) Cantiknya laksana bulan.
- (e) Datuknya seorang pahlawan.
- (f) Kampung itu tempat saya.
- (g) Rumah itu ciptaan agung arkitek terkenal.
- (h) Masjid itu rumah ibadat.
- (i) Gunung itu tinggi betul
- (j) Potongan bajunya sungguh cantik.
- (k) Jalan ceritanya sangat realistik.
- (l) Jalan itu lurus belaka.
- (m) Buah kelapa gugur.
- (n) Dia datang ke pejabat.
- (o) Pagi tadi datuknya datang dari Singapura.
- (p) Kereta api menuju bandar Ipoh.
- (q) Kemahirannya bertambah baik.
- (r) Dia mengukur lebar sungai itu.
- (s) Saya menanggung beban yang berat.
- (t) Ghani mengajar anaknya Bahasa Melayu.

BAHAGIAN D - Menyongsangkan Ayat

4. (a) Kedepankan predikat ayat.
- i. Matahari belum naik.
 - ii. Bunga itu cantik benar.
 - iii. Mereka itu orang baru.
 - iv. Rumah itu rumah pegawai.
 - v. Dekan itu dekan bijak.
- (b) Kedepankan frasa sendi dalam predikat.
- i. Mereka datang dari Kuala Lumpur.
 - ii. Adiknya sampai pada pukul empat pagi.
 - iii. Rumahnya terletak di tepi pantai.
 - iv. Mereka berjaga hingga subuh.
 - v. Surat itu datang daripada ayahnya.
- (c) Jadikan ayat songsang ini ayat biasa.
- i. Menunggang basikal dia.
 - ii. Mereka menepi apabila menteri lalu.
 - iii. Elok dimakan buah itu.
 - iv. Melayang jauh pandangannya.
 - v. Sungguh dahsyat mimpinya itu.
- (d) Buat ayat pasif orang pertama daripada ayat-ayat berikut.
- i. Surat itu dikirim oleh dia.
 - ii. Rumah itu dibina oleh dia.
 - iii. Kereta itu dipandu oleh beliau.
 - iv. Ladang itu dijaga olehnya.
 - v. Kuih itu dibawa oleh mereka.

BAHAGIAN E - Menggalurkan Klausa

5. (a) Kenal pasti dan senaraikan perkataan-perkataan yang menjadi klausa utama dalam ayat-ayat di bawah.
- i. Dia membeli kain untuk emaknya.
 - ii. Saya tidak datang kerana sakit.
 - iii. Dia tiba setelah hujan teduh.
 - iv. Rohani bermain dengan adiknya.
 - v. Katak berbunyi jika hari hujan.

(b) Kenal pasti dan senaraikan semua klausa dalam ayat berikut.

- i. Orang yang pemurah sentiasa merasa berpuas hati.
- ii. Pegawai yang cekap selalunya cepat naik pangkat.
- iii. Bapanya mengarang sebuah novel dan ibunya mengarang cerita kanak-kanak.
- iv. Saya sampai pagi semalam tetapi abang saya sampai pada malamnya.
- v. Kakaknya menjadi guru manakala dia menjadi doktor.

(c) Kenal pasti dan senaraikan klausa utama dan klausa pancangan dalam ayat-ayat berikut.

- i. Ibunya berniat supaya anaknya lulus peperiksaan SPM.
- ii. Orang itu mengaku bahawa beg itu adalah kepunyaannya.
- iii. Dia berharap agar orang yang datang tidak basah.
- iv. Mereka menemu duga menteri yang baru dilantik itu.
- v. Polis telah menerima aduan bahawa barang itu telah hilang.
- vi. Peraturan itu telah dibentuk untuk mengawal pendatang haram.
- vii. Undang-undang baru diluluskan untuk menghapuskan hak istimewa raja-raja.
- viii. Rukun Negara digubal supaya rakyat Malaysia mempunyai panduan hidup.
- ix. Cukai simen dihapuskan supaya kekurangan bekalan simen dapat diatasi.
- x. Kanak-kanak sekolah yang tidak mampu itu diberi bantuan supaya mereka dapat bersekolah tanpa gangguan.

BAHAGIAN F - Membentuk Ayat Majmuk

6. (a) Gabungkan ayat-ayat berikut menjadi ayat majmuk pancangan.

- i. Budak itu ialah budak kampung saya.
Budak itu tinggi lampai.
- ii. Perempuan tua itu datang dari kampung.
Perempuan itu baru tiba.

- iii. Ibu suka melihat sandiwara sekolah.
Sandiwara itu sangat popular.
 - iv. Mereka berlatih bersungguh-sungguh.
Mereka ingin berjaya.
 - v. Ayah bimbang.
Dusunnya tidak diusahakan lagi.
- (b) Gabungkan ayat-ayat di bawah menjadi ayat majmuk campuran.
- i. Kita mesti bersikap benar.
Kita mesti bercakap benar.
Kawan-kawan kita suka akan kita.
 - ii. Geok Lan pergi ke rumah Tijah.
Rajamani pergi ke perpustakaan.
Rajamani mengulangkaji pelajarannya.
 - iii. Budak itu menangis dengan kuat.
Kaki budak itu luka.
Kaki budah itu berdarah.
 - iv. Rumah itu rumah deret.
Rumah itu dua tingkat.
Rumah itu sesuai untuk disewakan.
 - v. Inilah sistem maklumat sepadu.
Sistem maklumat sepadu ini merangkumi segala aspek projek pembangunan.
Projek pembangunan ini dibiayai oleh kerajaan persekutuan.